



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM 17 JUN 2014 ( SELASA )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Hajah Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrudin Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana Binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Ahmad Hafizan Bin Yusof  
Encik Izal Izlan Bin Misnon

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

( Dewan di sambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang kedua 17.6.2014 dimulakan dengan bacaan Doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua, Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: USAHAWAN INDUSTRI ASAS TANI**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan dan kejayaan Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani setakat ini?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan?
- c) Nyatakan statistik mereka yang menyertai program ini mengikut DUN?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada Sungai Air Tawar. Jawapan kepada soalan daripada Sungai Air Tawar

- a) Perkembangan dan kejayaan Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Jabatan Pertanian Negeri Selangor diukur berdasarkan kepada purata pendapatan sebulan per usahawan yang dibimbing di samping peningkatan bilangan usahawan yang dilahirkan. Sasaran jabatan adalah untuk memastikan purata pendapatan bersih sebulan per usahawan

mencapai RM4,000. Purata pendapatan usahawan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Usahawan</b>	<b>Purata pendapatan bersih per usahawan per bulan</b>
2011	518	RM10,814
2012	720	RM 9,029
2013	772	RM 6,217

- b) Peruntukan yang diterima oleh Jabatan untuk Program Industri Asas Tani adalah sebanyak RM1.252 juta. Ini adalah untuk projek:-

<b>Projek/Butiran</b>	<b>2014</b>
Pemprosesan makanan	230,000
Pemprosesan makanan tradisional	166,000
Pembangunan kraftani	50,000
Pembangunan produk baru	66,000
Memajukan Industri Asas Tani bukan makanan	73,500
Pembangunan makmal PKT daerah	33,000
Pembangunan kemudahan promosi dan pembungkusan	333,500
Pembangunan modal insan usahawan	300,000

Bagi soalan c statistik usahawan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor mengikut DUN mungkin agak panjang kalau saya bacakan mengikut DUN. Cuma saya pecahkan kepada daerah iaitu:-

<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Usahawan</b>
Gombak	57 orang
Petaling	59 orang
Hulu Langat	88 orang
Hulu Selangor	93 orang
Klang	90 orang
Kuala Langat	120 orang
Kuala Selangor	102 orang
Sabak Bernam	189 orang
Sepang	75 orang

Untuk Sungai Air Tawar seramai 26 orang jumlah keseluruhan adalah 837.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Bharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PEWARTAAN KAWASAN RIZAB ORANG ASLI**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pewartaan kawasan atau rizab orang asli di Selangor memandangkan permohonan telah dikemukakan sejak tahun 1977.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, perizaban tanah bagi penempatan Kampung Orang Asli Sungai Jung Hulu Selangor telah diluluskan



oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Yang Berhormat Pelabuan Klang pada 23 Jun 2013. Selain daripada itu di Kampung Orang Asli Sungai Bumbung, Pulau Carey tanah kerajaan adalah dalam tindakan pewartaan sebagai kawasan simpanan orang asli oleh Pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat dan tanah tersebut berkeluasan lebih kurang 329 ekar. Tambahan pada masa ini Kerajaan Negeri telah melantik Jurutauliah, Juruukur bertauliah untuk mengukur halus kawasan orang asli bagi tujuan pewartaan di bawah Seksyen Kanun Tanah Negara 62 iaitu di Kampung Orang Asli Bakup Sepang, Kampung Orang Asli Selising Sepang dan Kampung Orang Asli Sungai Buah Sepang.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO selain daripada kawasan rizab orang asli ada juga yang dinamakan sebagai kawasan rayau orang asli. Apakah mekanisme yang dibuat oleh Kerajaan negeri untuk supaya kawasan rayau Orang Asli ini tidak menjadi halangan kepada projek-projek pembangunan di bawah tanah Kerajaan Negeri. Contohnya seperti apa yang dikatakan pampasan perlu diberikan kepada Orang Asli disebabkan kita ingin membangunkan tanah-tanah atau pun kawasan rayau di tanah Orang Asli tersebut. Adakah satu mekanisme dan langkah-langkah yang tetap *Standard Operating Procedure* yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Untuk kawasan rayau memang definisinya ditetapkan di bawah Akta Orang Asli iaitu satu Undang-Undang Persekutuan. Selain daripada itu di bawah Akta Perhutanan Negara juga kalau ada mana-mana Hutan Simpan yang juga didefinisikan sebagai kawasan rayau Orang Asli. Syarat tersebut juga dimaksudkan dalam pewartaan tersebut. Untuk pewartaan khas sahaja iaitu hanya kawasan rayau orang asli itu tidak akan berlaku kerana sebagaimana yang saya telah ceritakan definisinya sangat ketat dan juga ditetapkan di bawah Undang-Undang yang sedia ada. Untuk kawasan rayau katakan ada kebun, ada dusun dan sebagainya ada satu *Standard Operating Procedure* (SOP) di mana kira-kira akan dibuat sebagaimana contohnya batang pokok, buah atau pun kalau ada kawasan adat kebiasaannya ada kawasan kubur atau pun kawasan upacara terdapat upacara sembahyang dan sebagainya, itu adakan diambil kira jadi apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pertamanya kita ada satu pasukan khas yang dilatih yang membuat pematang komuniti dan pematang komuniti tersebut adalah termasuk kawasan dusun, kebun, kubur, kawasan sembahyang, rumah dan juga termasuk kawasan rayau tapi apa yang kita akan wartakan akhirnya adalah keseluruhan kampung tersebut dan kita dapat kerjasama yang amat baik daripada Batin, daripada wakil JKKK, daripada dengan izin *The Eldest of the Village* orang

yang sudah lama di kawasan kampung tersebut di mana kita akan membuat pengukuran menggunakan GPS dan dari itu kita akan buat pengukuran halus yang telah saya maklum tadi iaitu di tiga kampung sebagai contohnya. Lepas itu akan dibawa ke Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan dan kita akan melihat macam mana kita mewartakan kawasan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Kalau kita lihat kepada jawapan tadi pewartaan ini mengambil tempoh masa 30 tahun jadi soalan tambahan saya apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menetapkan satu-satu tempoh tertentu bagi sebarang pewartaan bukan sahaja di kawasan Orang Asli termasuk juga kawasan pakir dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Yang terakhir itu kawasan apa pakir, pakir?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Kerana kita lihat ada sesetengah kawasan diwartakan cadang untuk diwartakan tetapi ia terbiar dan terabai. Jadi apakah Kerajaan Negeri selain daripada kawasan Orang Asli ini ada sasaran untuk menetapkan tempoh tertentu untuk pewartaan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Setakat ini tidak ada tempoh yang ditetapkan untuk menjalankan proses tersebut. Namun begitu kita harap dalam satu dua tahun sebuah kampung boleh mengakhiri proses pewartaan tersebut termasuk pengukuran halus dan sebagainya, Kadang kala kalau kampung tersebut bukan besar maka khasnya pengukuran halus itu boleh dijalankan dengan cepat atau pun permintaan komuniti boleh dijalankan dalam satu dua minggu. Tapi kalau kawasan itu besar dan ada perselisihan kawasan atau pun sempadan maka kampung tersebut pematang tersebut akan mengambil masa yang agak lama.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK: PADANG CERGAS**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah padang cergas yang dinyatakan dalam pelan tindakan 5 tahun Kerajaan Negeri telah dibina setakat ini dan sila menyenaraikan kawasan-kawasan di mana padang cergas telah dibina.
- b) Bilakah padang cergas akan dibina di kawasan Pandamaran?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker setakat ini sebanyak 43 padang cergas telah pun dibina pada tahun setakat 2013 iaitu butir-butir seperti yang berikut:- Bukit Gasing:, Jalan 14/4 ,Jalan 14/39, Jalan 1/18,Jalan 5/24, Jalan Gasing,Jalan 17/34. Kampung Tunku: PJS10/24. Di Damansara Utama: SS2/16, SS2/94, SS25/30,SS23/19,SS22/37. Di Bukit Lanjan, Center Spine Jalan SD 9/7A dan Jalan SD 2/1B. Di Kota Damansara Jalan Jerjawi 6/13. Di Sri Andalas Taman Rakyat Sri Andalas.Di Sri Serdang, SS19/6K Subang Jaya. Di Kinrara Jalan Belatok Puchong Jaya. Di Subang Jaya Tasek Puchong Perdana Seri Serdang. Di Seri Kembangan Sri Raya 4. Di Rawang Taman Pinggiran Pelangi Fasa 1 dan Taman Pinggiran Pelangi Fasa 2. Dusun Tua Taman Wawasan Hulu Langat, Kajang Taman Rekreasi Timur Kajang belum ada, di MPAJ, Sungai Pelek Taman KDB Pantai Sepang Putra Sepang. Di Ijok Lorong Mahkota Impian Puncak Alam dan Taman Cempaka Sari. Di Sijangkang Jalan Mengkuang 6 Taman Dato' Hormat Teluk Panglima Garang dan di Jalan Langsung 2 Taman Sri Medan Sijangkang, di Teluk Datuk Jalan Intan 21, Taman Yayasan Sg Jarum keduanya Jalan Beringin 11 Taman Sari Banting. Di Morib Jalan BB 3/12 Taman Banting Baru dan Jalan Desa 3 Taman Sri Desa Tonggak. Di Sungai Air Tawar Taman Sri Nakhoda Omar, di Sabak Taman Bernam Jaya, di Sungai Panjang Taman Sri Indah, di Sekinchan Taman Sekinchan Jaya. Di Hulu Bernam Taman Permainan Desa Kenari Kalumpang dan Taman Awam Hulu Bernam. Di Kuala Kubu Baharu Taman Permainan Desa Rening Jaya dan Taman Permainan Taman Tanjak Kuala Kubu Baharu. Di Batang Kali Jalan Berantinam C dan Taman Permainan Padang Awam Sungai Choh. Padang Cergas di kawasan Pandamaran serta kawasan lain di MPK akan dilaksanakan pada 1.7.2014. Sehingga tempoh itu pihak MPK sedang menguruskan iklan tawaran lawatan tapak, jualan dokumen sebut harga dan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga untuk proses pelantikan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Soalan tambahan:

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Apakah kekangan yang dihadapi oleh Pihak PBT untuk membina lebih banyak padang cergas seperti dalam perancangan dan setiap tahun satu DUN diwajibkan berapa? Mesti mencapai padang cergas ini dibina. Sekian terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker untuk mencapai sasaran membina 500 padang cergas tempoh 5 tahun setiap DUN telah pun dicadangkan

untuk membina 2 padang cergas setiap tahun. Jadi setakat ini kekangan yang mungkin dihadapi hanya adalah di peringkat Majlis Daerah seperti Majlis Daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor disebabkan kekangan kewangan untuk mengatasi kekangan ini Pihak UPEN telah pun memperkenalkan satu skim di mana Kerajaan Negeri membina satu dan Pihak Majlis membina satu iaitu pada nisbah 1:1 untuk Majlis Daerah yang menghadapi masalah kewangan tetapi apabila kedudukan kewangan mereka itu dapat dipertingkatkan maka mereka terpaksa membina 2 di setiap DUN setiap tahun. Jadi sekiranya semua melaksanakannya bererti sebenarnya kita dapat membina 560 padang cergas dalam tempoh 5 tahun. Kita ada 56 kawasan DUN jadi kita masih sasarkan 500 sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Dalam jawapan tadi tak nampak ada senarai MBSA dalam perancangan itu dan Kota Anggerik telah hantar lama tetapi nampaknya tidak ada pembangunan dibuat.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** MBSA memang belum membina lagi. Mereka beri alasan tahun ini disebabkan program ini diumumkan pada bulan Julai. Mungkin di luar bajet mereka. Bajet setiap PBT hendaklah memperoleh kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Jadi saya berharap Yang berhormat sekian dapat memberi sedikit tekanan kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya melaksanakannya kerana sebenarnya program ini tidak menambah bajet Pihak Berkuasa Tempatan kerana kita menggunakan bajet yang sedia ada yang di peruntukan untuk padang, landskap Cuma dari segi cara urusan kewangan itu memberi keutamaan pada padang cergas ini.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya hendak tanya kenapa di MPAJ tidak ada satu padang cergas?. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang Berhormat, saya telah pun memberitahu tadi bahawa disebabkan program ini hanya diumumkan pada bulan Julai pada tahun lepas, mungkin itu di luar keupayaan MPAJ pada masa itu seperti yang dihadapi oleh MBSA tetapi saya percaya MPAJ akan ambil tindakan untuk melaksanakannya seperti MPK juga tahun lepas hanya dapat melaksanakan satu sahaja. Jadi mulai Julai ini mereka akan mengambil tindakan supaya menyegerakan untuk menepati sasaran ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya PBT yang telah melaksanakan akan memberi tambahan atau setiap DUN boleh ditambahkan setiap tahun kalau telah dilaksanakan seperti di DUN Rawang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, nampaknya Taman Cergas menegaskan aduan., ini adalah sasaran yang ditetapkan kerajaan Negeri dan perlaksanaannya dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Cuma untuk Majlis yang ada masalah dari segi kekangan kewangan maka Pihak Berkuasa Negeri memberi bantuan. Jadi memang kita menggalakkan supaya membina lebih banyak sekiranya perlu mengikut keadaan. Sasaran adalah 500. Ada Pihak Berkuasa Tempatan yang memaklumkan bahawa sebenarnya Specs yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri itu lebih rendah dari specs yang sedia ada di kawasan itu. Khususnya di kawasan Pihak berkuasa Tempatan yang lebih berada atau banyak berada. Jadi itu kita menggalakkan. Kalau specs yang kita harapkan untuk Kerajaan Negeri sekira RM42,000 kalau mereka dapat membina peralatan yang lebih canggih yang lebih cantik dan yang lebih baik dengan harga RM60,000. Sekiranya berbaloi tidak ada masalah. Cuma kalau belanja RM60,000 sekiranya berbaloi tidak ada masalah. cuma pastikan kualitinya RM60,000 bukan RM42,000. itu yang kita pentingkan. *Value for money*. Itulah sasaran kita supaya di Selangor ini setiap pelosok Selangor perlu nampak. Kita menyediakan kemudahan asas untuk kesejahteraan masyarakat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Soalan saya 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN HAJI RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: MENINGKATKAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN KESIHATAN**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk memberikan jaminan perkhidmatan kesihatan kepada seluruh penduduk negeri Selangor?
- b) Sila nyatakan tindakan yang telah/akan diambil untuk mengurangkan kesesakan bilangan pesakit dan meningkatkan taraf perkhidmatan sebagai contoh di Klinik Kesihatan Batu 9, Cheras, Selangor

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** a) Antara usaha-usaha yang telah diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor untuk memberi jaminan perkhidmatan kesihatan kepada seluruh penduduk negeri Selangor adalah:

- i. Menambah bilangan fasiliti kesihatan sejajar dengan pertambahan bilangan penduduk Negeri Selangor, sehingga kini terdapat:
  - 11 buah hospital: 6 hospital dengan pakar dan 5 hospital tanpa pakar
  - 73 buah Klinik Kesihatan (dengan perkhidmatan Kesihatan ibu dan anak)
  - 6 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak
  - 116 buah klinik desa
  - 30 klinik 1 Malaysia
  - 62 buah Klinik Pergigian
  -
- ii. Bagi projek Rancangan Malaysia ke -10 (Tahun 2011 – 2015), sejumlah 35 projek telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM1,301,564,279.67, di mana 20 projek telah berjaya disiapkan, 7 projek sedang dalam pembinaan dan 8 projek lagi masih diperingkat perancangan. 7 projek yang sedang dalam pembinaan adalah:
  - Membina Klinik Desa 2G Kg. Sg. Lui, Hulu Langat
  - Pembinaan Hospital Shah Alam
  - Kuarters integrasi Klang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah
  - Kompleks Onstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (Fasa 2)
  - Ubahsuai Klinik Kesihatan Jenis 3 Kota Damansara Petaling Jaya.
  - Membina Kuarters 8G Klinik Kesihatan Seri Kembangan, Petaling
  - Pembinaan Klinik Kesihatan Simpang Lima, Sabak Bernam Jenis 3 dengan kuarters.

8 Projek yang di peringkat perancangan adalah:

- Klinik Kesihatan (jenis 3) Kapar dengan kuarters, Klang
- Klinik Kesihatan (jenis 3) Puchong, Petaling.
- Klinik Kesihatan Bandar Tun Hussein Onn (jenis3), Cheras
- Klinik Kesihatan (jenis 3) Gombak Setia, Gombak
- Hospital Tanjung Karang
- Klinik Pergigian Tanjung Karang Kuala Selangor
- Blok Pergigian Bkt. Changgang, Kuala Langat
- Naiktaraf High Dependency Ward (HDU), Jabatan Anaesthesiologu, Hospital Sungai Buloh.

b) Antara tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan kesesakan dan meningkatkan taraf kesihatan di Klinik Kesihatan batu 9 Cheras ialah:

- i. Projek Pembangunan – pengubahsuaian dan naiktaraf bangunan sedia ada
  - Projek telah siap pada bulan Oktober 2013 dengan kos berjumlah RM300,000.00
  - 
  - Projek melibatkan:
    - Pembinaan bangunan farmasi
    - Pembesaran makmal
    - Pembesaran ruang menunggu di Unit Pesakit Luar
    - Pertambahan bilik-bilik pemeriksaan di Unit Ibu dan Anak
- ii. Pelaksanaan Sistem Temujanji Berperingkat dan memperkukuhkan pelaksanaannya bagi Pengurusan pesakit Kronik dengan menggunakan *System Teleprimary Care (TPC)* untuk mengurangkan masa menunggu dan kesesakan pesakit terutama di waktu puncak.
- iii. Klinik Kesihatan bt. 9 Cheras akan menerima peralatan perubatan baru termasuk penggantian mesin X-ray melalui *Program MEET*.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar di Tanjung Karang dah 2 kali dilancarkan nak buat hospital sampai roboh *sign board* sampai sekarang.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kota Anggerik. Tuan Speaker, Hospital Tanjung Karang telah pun berada di dalam Perancangan RMK ke-10 yang mana ia sedang telah pun berada di dalam proses reka bentuk oleh JKR dan akan siap beroperasi pada 2018 dengan peruntukan sejumlah RM250 juta.

**Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kerana klinik-klinik yang dikatakan terutama Klinik Kesihatan Batu 9, berapa ramai staf dan doktor *medical personal* dengan izin yang menjaga tempat itu kerana dikatakan cara-cara mengurangkan masa-masa

menunggu tetapi masa menunggu pun sampai kadang sampai 2 jam, 3 jam baru boleh bukan menjawab doktor kadang-kadang *medical personal*. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kajang. Untuk Klinik Kesihatan Bt. 9 sedang penambahbaikan untuk perkhidmatan. Insya-Allah kerana bagi klinik kesihatan keseluruhan Klinik Kesihatan yang kita sebut tadi klinik fasa 3, ataupun klinik jenis 3, yang mana ia memberikan perkhidmatan yang *comprehensive* untuk seluruh penduduk setempat yang mana antaranya mempunyai pesakit luar, Unit pesakit ibu dan anak, farmasi X-ray, makmal begitu juga klinik pergigian. Jadi itu adalah perkhidmatan yang diberikan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Soalan saya tentang Hospital Shah Alam ini. Sudah lama kita tunggu-tunggu. Apakah tarikh yang kita akan mulakan perkhidmatan di Hospital Shah Alam?. Adakah Hospital Shah Alam ataupun di seluruh negeri Selangor? Saya tak nampak, tak dengar klinik dialisis akan dibuka di negeri Selangor. Sebab dialisis ini satu-satu penyakit yang memang susah dan meningkat tiap-tiap tahun dan Kerajaan Pusat saya nampak tak buka klinik-klinik dialisis ini sekarang di dalam Negeri Selangor. Adakah Pejabat Kesihatan merangka untuk adakan pembukaan *dialysis centre*? Ini yang penting di dalam negeri Selangor di mana kita di negeri Selangor di katakana Y.B Ijok RM28 Bilion setahun kepada Kerajaan bila kita kutip cukai dihantarkan kepada Kerajaan Pusat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Andalas. Untuk Hospital Shah Alam yang mana ianya telah terbengkalai dan diambil alih oleh syarikat lain maka sekarang ini Hospital Shah Alam telah hampir siap pembinaannya dan Oktober 2014 ianya akan dapat beroperasi. Bagi dialisis ataupun pusat dialisis di hospital-hospital ianya bukan di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Kerajaan negeri, kita juga memberikan bantuan dialisis kepada pesakit-pesakit yang memohon dalam program sihat Selangor iaitu bantuan kesihatan rakyat Selangor sebanyak RM2000. setiap seorang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya jawapan asal EXCO tadi yang menyenaraikan beberapa perkara pembinaan hospital, klinik dan sebagainya yang mana itulah usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan bagi Kerajaan Persekutuan. Ini apa yang



hendak saya tanya. Apakah sebenarnya bentuk-bentuk perkhidmatan ataupun bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri sendiri melalui inisiatif rancangan khususnya portfolio Yang Berhormat EXCO sendiri yang dapat membantu rakyat negeri Selangor contohnya memberikan kesihatan percuma termasuk Andalus yang disebut tadi menyediakan pusat dialisis yang mana inisiatif itu dibuat oleh Kerajaan Negeri sendiri dengan bajet oleh Kerajaan sendiri bukan Kerajaan Persekutuan buat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Permatang. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum lagi melaksanakan program yang disebutkan tadi, terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINT MOHAMED TALHA:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINT MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Apakah proses menaiktarafkan klinik kesihatan yang sedia ada kerana saya juga ingin mohon untuk menaiktarafkan klinik kesihatan yang di Taman Medan yang sering dikunjungi bukan saja warga negara tetapi warga asing juga ramai.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan. Kita akan meminta kepada pihak JKNS untuk melihat perkara ini, bagaimana untuk menaiktarafkan klinik kesihatan di Taman Medan. Jadi insya-Allah, kita akan berbincang dengan pihak JKNS bagi kawasan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker....

**TUAN SPEAKER:** Ya, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** ..... 24.2 saya ambil soalan 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PENERANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

25. Penerangan Kerajaan Negeri perlu dipertingkatkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan penerangan dasar dan program kerajaan negeri kepada rakyat?
- b) Berapakah *billboard* yang diperuntukkan bagi penerangan MES (Merakyatkan Ekonomi Selangor) bagi setiap DUN?
- c) Berapakah bajet Kerajaan Negeri bagi tujuan penerangan ini?

**TUAN SPEAKER:** Baiklah.

**Y.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker, Taman Templer meminta penerangan tentang perancangan kerajaan untuk mempertingkatkan penerangan dasar dan program-program kerajaan kepada rakyat Selangor. Sudah tentulah kita setiap minggu mendapati akhbar Selangor Kini yang diedarkan setiap DUN dan juga TV Selangor yang melalui web selangor.com juga sudah dalam operasi. Beberapa perkara-perkara baru yang mula di usahakan iaitu satu perancangan untuk mewujudkan *citizen journalist* iaitu aktivist media setempat yang bertugas secara sukarela yang melaporkan aktiviti-aktiviti ataupun program kawasan mereka, satu kolum khas dibuat dalam laman web Selangor Kini untuk liputan berita daripada *citizen journalist*. Saya berharap Ahli-ahli Dewan dapat juga menggunakan kesempatan ini. Soalan yang kedua ialah mengenai *billboard*. Apakah jumlah *billboard* yang diperuntukkan? Terdapat 44 *billboard* yang telah diperuntukkan sebagai contoh di Kuala Kubu dia ada di persimpangan jalan Kuala Kubu dan Bukit Fraser dan maklumat ini saya akan berikan kepada Taman Tampler supaya dan di Rawang di tepi bulatan Jalan Batu Arang dan setiapnya di Kajang di simpang empat jalan Kajang Cheras berhampiran Stadium Kajang. Jadi *billboard* ini ada digunakan untuk memberikan iklan tentang perancangan merakyatkan ekonomi Selangor, dan ada juga berlaku yang mana *billboard-billboard* ini telah di.... masalah *vandalisme* yang telah dibina rosak dan ada juga *billboard* itu terus hilang tu saya akan terus sebutkan *billboard* di Sungai Panjang, di Hulu Kelang, Bukit Antarabangsa, Chempaka, Sri Setia, Damansara Utama, Meru dan Sementa, Sri Muda dan Sijangkang. Jadi, dan kosnya, saya rasa nak terangkan kosnya. Untuk membina dan membaiki 13 *billboard* yang rosak kita akan, kita sudah menggunakan 130,000 iaitu 13,000 setiap *billboard*. Manakala untuk menggantikan visual yang *billboard* itu dirosakkan atau kita perlukan hanya 1,600 setiap *billboard*, 10 kaki x 40 kaki dan kita berharap kita akan juga ingin mencadangkan tiap DUN ada dua *billboard*. Jadi saya berharap Ahli Dewan Undangan Negeri untuk dapat menggunakan kesempatan ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Tambahan saya berkenaan dengan penerangan Kerajaan Negeri Selangor kita ada TV Selangor, ada Selangor Kini dan sudah hampir setahun berlalu bagaimana status terkini akhbar Selangor Time yang telah diwar-warkan setelah setahun, bayang pun tak ada. Saya minta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagi penjelasan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker, kita jangkakan soalan itu dari Yang Berhormat Sekinchan sekarang dalam proses tender dan sudah dipilih dan kita akan umumkan apabila dia mengeluarkan akhbar tersebut. Sejumlah RM1 juta peruntukan untuk pengeluaran tersebut.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ya, berkenaan dengan *billboard* yang hilang, apa cerita sebenarnya dan apa nasib masa depan dia?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya belum dapat maklumat.. tapi ada kalanya dia tumbang dan lepas tu di... jadi kita rasa ada kalanya *vandalisme* itu dia telah merosakkan kain-kain *billboard* tu. Itu dua tapi yang tumbang tu saya tidak boleh mengatakan sebabnya sebab ada juga kita punya *construction method* itu tidak juga betul sebab bila angin kuat jadi kita kena ada *space*. Tapi itu akan kita mula selesaikanlah.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker, saya melaporkan kehilangan *billboard* ini pada bulan April 2013 jadi soalan saya apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggantikan *billboard* yang hilang ini di semua DUN. Dan untuk kes di Seri Muda ini saya tak fikir dia tumbang, dia dicuri ataupun sengaja dibuka kerana di tempat yang asal *signboard* itu sekarang ini setelah pun dipasangkan oleh satu *billboard* oleh pihak swasta. Jadi saya minta Kerajaan Negeri perincikan betul supaya kejadian ini yang merugikan kita ini boleh kita kurangkan dan soalan utama tadi ialah adakah ia akan digantikan semula, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Speaker, kita saya sudah menyediakan bajet untuk menggantikan atau memperbaiki semua *billboard-billboard* ini. Tidak guna kita ada *billboard* kalau tidak kita gunakan. Kedua, sudah tentulah kita mesti mempunyai beberapa perhubungan dengan Pihak Berkuasa Tempatan sebab kuasa untuk menentukan di mana tempat-tempat *billboard* ini ialah di Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, mereka telah bersedia memberikan penempatan kepada Kerajaan Negeri dan yang saya harap ialah pemantauannya

dan juga saya rasa ada komen yang *billboard* itu gambarnya sudah enam tahun tak berubah jadi kita ada mengadakan perubahan-perubahan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Ijok, Bukan soalan tambahan, soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan saya soalan nombor 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK: PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS 2014**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis-garis panduan yang digunapakai dalam pemilihan dan pelantikan Ahli-ahli Majlis yang berwibawa dan efektif?
- b) Siapakah yang menentukan pelantikan Ahli-ahli Majlis? Kenapa kuota Ahli Majlis di negeri Selangor belum dipenuhi?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan 109 daripada Seri Muda. Tuan Speaker kriteria asas pelantikan Ahli Majlis adalah berdasarkan seksyen 10 golongan dua akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu

- 1) Pertama sekali hendaklah terdiri daripada orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 2) Mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan.
- 3) Kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion perdagangan atau perindustrian.
- 4) Mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.

Selain daripada itu kerajaan juga menetapkan agar semua Ahli Majlis Negeri Selangor bebas rekod jenayah, integriti dan kebankrapan dan melalui pekeliling yang telah pun dikeluarkan pada tahun lepas di mana terdapat juga kelayakan asas telah pun ditetapkan untuk calon-calon Ahli Majlis ini. Calon-calon Ahli Majlis dikemukakan oleh semua parti yang membentuk Kerajaan Negeri dan akan diperhalusi untuk diluluskan dan dilantik oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri telah pun melantik seramai 223 Ahli Majlis daripada kuota 279 Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Kuota Ahli Majlis akan dipenuhi setelah menerima senarai calon daripada pihak parti.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih puan, yang saya nak tahu kenapa separuh Ahli-ahli Majlis yang telah dilantik sampai empat, lima penggal masih juga dilantik walaupun dicadangkan oleh Ijok tak memuaskan. Jadi saya nak tanya, lain pada kriteria yang diberi apa kriteria lain, siapa yang menentukan *finally the list* daripada siapa? Sekian.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih. Tuan Speaker, satu garis panduan yang baru telah pun dikeluarkan pada tahun lepas melalui pekeliling di mana ditetapkan beberapa syarat yang asas yang perlu dipenuhi.

- 1) Kelayakan akademik sekurang-kurangnya SPM.
- 2) Sekiranya tiada SPM maka calon itu dikehendaki untuk menduduki peperiksaan asas antaranya. Dan untuk dan juga telah disyaratkan juga seseorang itu tidak boleh dilantik melebihi dua penggal ataupun empat tahun.

Tapi untuk penggal tahun 2014/2015 di mana disebabkan kita baru memulakan syarat menghadkan tempoh pelantikan seseorang ahli majlis itu maka dibenarkan hanya lima puluh peratus daripada yang telah pun menjawat jawatan itu selama empat tahun ditukar cuma dalam tempoh pertukaran ini dibenarkan lima puluh peratus daripada mereka itu dilanjutkan dua tahun lagi selepas itu kita akan dapat melaksanakan dengan sepenuhnya di mana setiap Ahli Majlis itu dibenarkan menjawat jawatan itu selama empat tahun, dua penggal. Itu yang menyebabkan ada yang dilanjutkan dua tahun lagi dan tentang kriteria pelantikannya kita bergantung pada pencalonan daripada parti dan telah pun diputuskan pencalonan daripada parti itu melainkan dia melanggar syarat maka hendaklah diterima oleh pihak Kerajaan Negeri. Jadi itulah yang mungkin menyebabkan sesetengah pencalonan tidak diterima kerana pencalonan parti itu diutamakan daripada pencalonan daripada mana-mana pihak yang lain.

**TUAN SPEAKER:** Seri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya dapati kawasan yang tidak mempunyai Ahli Majlis buat waktu ini agak terbiar

sebagai contoh di N50 di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kelang. Walaupun ada dilantik *care taker* ahli majlis bagi kawasan terlibat tapi nampaknya tidak begitu berkesan. Jadi soalan saya ialah apakah *care taker* ini mempunyai peranan yang sama seperti Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sebenarnya itu adalah langkah pentadbiran yang diambil oleh pihak PBT itu sendiri di mana kawasan yang belum dilantik, zon yang belum dilantik Ahli Majlis itu tugasnya akan ditanggung oleh seorang Ahli Majlis yang telah pun dilantik oleh pihak PBT dan mereka memberikan segala kemudahan yang sama iaitu peruntukan yang diberikan untuk zon tersebut boleh diguna pakai oleh Ahli yang memangku untuk menjaga zon tersebut. Jadi, sekiranya ada zon yang terbiar disebabkan persembahan kerja yang kurang baik daripada Ahli Majlis yang memangku tugas tersebut maka saya mohon Yang Berhormat untuk melaporkan kepada pihak PBT atau pun pihak MPK supaya tindakan dapat diambil untuk menukar orang yang memangku kerja di kawasan atau pun di zon yang berkenaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, saya difahamkan dahulu pada awal zaman pentadbiran Pakatan Rakyat pada tahun 2008 di kalangan Wakil-wakil Rakyat Pembangkang ini ada juga dijemput untuk menghadiri *full council meeting* dengan izin yang dijalankan oleh pihak Majlis, tetapi sekarang ini adakah dasar...

**TUAN SPEAKER:** Dengkil, apa kaitan dengan Ahi Majlis.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ahli Majlis, Mesyuarat Ahli Majlis. Saya ingin hendak tanyakan sekarang ini adakah dasar kerajaan tidak lagi menjemput Ahli-ahli Wakil Rakyat Pembangkang sebagai pemerhati di dalam Mesyuarat *Full Council meeting* sebagai menunjukkan sikap keterbukaan dan juga ketelusan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat EXCO sudah jawab saya rasa tak perlu kerana tak berkaitan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tapi, ada tuduhan saya rasa.

**TUAN SPEAKER:** Okey.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** *It is regarding* Ahli Majlis Tuan Speaker. *Is about* Ahli Majlis.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya rasa ada kaitan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Tuan Speaker, sebenarnya pada zaman Barisan Nasional dahulu pun tidak pernah dijemput ADUN untuk menghadiri, malah ADUN yang meminta untuk hadir pula, dihalau pula. Itu pengalaman saya. Semasa saya menjadi pembangkang. Tapi, Pihak Berkuasa Tempatan kita menjalankan tugas mereka mengikut undang-undang yang sedia ada. Undang-undang yang sedia ada ini tidak memperuntukkan bahawa ADUN daripada mana-mana pihak, tak kira dari pihak Kerajaan atau pun pembangkang dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Penuh Bulanan. Tetapi peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan itu menyatakan bahawa Mesyuarat Penuh untuk PBT ini hendaklah dibuka untuk orang ramai. Jadi semua pihak ADUN daripada pihak Kerajaan atau pun Pembangkang boleh hadir. Dan sekarang ini untuk membuktikan bahawa Kerajaan ini adalah kerajaan terbuka maka kita telah pun mengarahkan lapan daripada dua belas PBT ini ah! Membenarkan atau pun menyiarkan secara langsung melalui *website* seperti sidang Dewan ini. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak sempat hendak ke PBT atau pun tidak dijemput boleh juga menontonnya daripada siaran secara langsung ini. Tidak ada masalah dan malah kita mencatatkan sejarah lagi di Selangor ini bukan kita hanya mencatatkan sejarah sebagai PBT di seluruh negara ini yang pertama membenarkan siaran secara langsung melalui *website* Mesyuarat Bulanan PBT malah kita telah pun mengarahkan bahawa semua minit mesyuarat bulanan ini hendaklah dipaparkan dalam *website* tersebut dalam *website* PBT tersebut. Ini cara yang terbuka tidak ada rahsia. Dan mungkin kita sekarang ini dalam perancangan dalam perbincangan untuk menyiarkan juga kontrak-kontrak yang telah pun diberikan kepada kontraktor-kontraktor termasuk harganya yang telah pun kita luluskan untuk menunjukkan bahawa ini adalah kerajaan yang bersih dan telus. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker. Soalan saya No. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: SUMBANGAN ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (GLC)  
TERHADAP PROGRAM-PROGRAM KERAJAAN NEGERI**

27. Anak-anak syarikat milik Kerajaan (GLC) adalah syarikat milik Kerajaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri besar:-

- a) Senaraikan anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC)
- b) Berapa keuntungan selepas cukai syarikat-syarikat ini.?
- c) Berapa sumbangan diberikan oleh syarikat-syarikat ini terhadap program-program Kerajaan. Senaraikan mengikut anak syarikat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker. Kota Anggerik bertanyakan tentang sumbangan anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC) terhadap program-program Kerajaan dan untuk bertanyakan senarai anak-anak syarikat tersebut. Untuk maklumat Dewan ada dua bentuk pegangan Kerajaan Negeri dalam ekuiti syarikat-syarikat yang diwujudkan di Negeri Selangor.

1. Ialah anak syarikat Kerajaan Negeri di mana Kerajaan Negeri memiliki lebih daripada 50% dalam pemilikan saham tersebut dan syarikat itu didaftarkan di bawah pendaftar syarikat.
2. Kita juga melihat pelaburan negeri dibuat melalui Badan Berkanun seperti Perbadanan PKNS dan Perbadanan PKPS. Sehingga sekarang kita ada mempunyai 19 yang dipantau dan untuk jawapan pendapatan mereka pada tahun 2013:
  - Kumpulan Darul Ehsan untungnya ialah RM47 juta.
  - Permodalan Negeri Selangor untungnya RM47.6 juta.
  - Selangor *State Investment Centre* (SSIC) kita tidak mengharapkan keuntungan sebab dia berasaskan kepada perkhidmatan dia tidak rugi maknanya, dia biasanya kalau kekurangan pun tidak kurang daripada RM500 ribu atau pun untungnya pun RM500 ribu.



- Pendidikan industri Yayasan Selangor atau Syarikat yang memiliki perkhidmatan dalam UNISEL, Universiti Selangor, dia mula tahun lepas kerugian RM28 juta yang kita mula hapuskan kerugian tersebut.
- Dan, Bukit Beruntung Golf Kelab dia kerugian RM185 ribu
- Kumpulan Semesta keuntungan RM11.8 juta.
- Majlis Sukan Negeri kekurangan RM314 ribu.
- Rangkaian Mesra ialah Syarikat yang memantau tentang usia Emas, tabung Warisan Anak Selangor dan Syarikat-syarikat ini tidak, syarikat-syarikat apa yang dikatakan perkhidmatan.
- *Tourism* Selangor, ah! Dia kerugian RM139 ribu.
- *Communication Corporation* Sdn. Bhd., yang menerbitkan Selangor Kini dan TV Selangor 700 ribu
- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor RM260 juta
- Perbadanan Kemajuan Pertanian RM1 juta
- Kita ada juga perpustakaan, Perbadanan Adat Melayu dan Lembaga Urus Air Selangor yang kesemuanya tidak dianggap syarikat yang beruntung tetapi tidak juga diharapkan untuk kos yang berlebihan.

Apakah sumbangan syarikat-syarikat tersebut.

Untuk Tabung Warisan, syarikat-syarikat GLC setiap tahun melaburkan atau pun memberikan pemberian sebanyak RM9 juta. Tabung Merakyatkan Ekonomi Selangor RM4 juta. Antara syarikat yang memberikan sumbangan. Kumpulan Semesta, Kumpulan Permodalan Negeri Selangor, PKNS dan Perbadanan Kemajuan Pertanian. Dan sumbangan kita masukan di sini sumbangan lembu sempena Hari Raya Aidiladha sebanyak RM1.7 juta, MBI, Kumpulan Darul Ehsan, Permodalan Negeri Selangor, Kumpulan Semesta, PKPS. Dan program *Jom Shopping*, Kumpulan Semesta RM5 juta. Dan sejumlah saya akan hantarkan *detailnya* RM46 juta oleh syarikat-syarikat GLC tiap-tiap tahun kepada program-program yang termasuk dalam program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan No. 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK: PENGGUNAAN AIR LOMBONG**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan dan lokasi lombong atau kolam air yang digunakan untuk membekal air mentah akibat krisis bekalan air?
- b) Nyatakan nama dan lokasi loji air yang terlibat memproses air lombong?
- c) Berapakah jumlah air, juta liter padu (JLT) yang telah dapat diproses?"

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Batang Kali, saya akan menjawab soalan daripada Batang Kali ini bersekali dengan No. 69 dan No. 252. Berkaitan dengan soalan Batang Kali penggunaan air lombong semasa musim kemarau kolam alternatif yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri untuk membekalkan air mentah ketika musim kemarau adalah seperti Kolam Hang Tuah di Bestari Jaya, Kuala Selangor yang terdiri daripada enam siri kolam, Kolam Hang Tuan Satu sehingga Kolam Hang Tuah Enam telah digunakan untuk membekalkan air mentah ketika berlakunya kekurangan sumber air pada bulan Februari hingga bulan April yang lepas. Loji pembersih air atau pun LPA yang terlibat dalam memproses kolam air Kolam Hang Tuah tersebut adalah loji pembersihan air Rantau Panjang, SSB 1, SSB2, SSB3 di Sungai Selangor. Jumlah air yang telah dapat diproses adalah sebanyak 39.59 juta meter padu. Di antara tarikh 26 Februari hingga 6 April 2014. Berdasarkan garis panduan kriteria kualiti air mentah yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia terdapat 15 para meter logam berat yang perlu dipatuhi. Antaranya *mercury*, *arsenic*, plumbum dan juga lain-lain. Kolam-kolam alternatif ini telah dipantau sejak 2011 sehingga ke hari ini. Hasil analisa persempelan yang telah dijalankan menunjukkan semua para meter logam berat adalah mematuhi garis panduan tersebut. Keputusan analisa persempelan yang dijalankan adalah dibincangkan dan dibentangkan di dalam Jawatankuasa Petugas Sumber Air Alternatif Negeri Selangor yang dianggotai oleh pelbagai agensi teknikal berkaitan dan diurus setia oleh Lembaga Urus Air Selangor atau pun LUAS dan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Air Negeri Selangor. Pemantauan rapi dijalankan dan perawatan, pewartaan dilaksanakan bagi memastikan kolam-kolam yang telah dikenalpasti ini adalah selamat untuk digunakan. Bagi tahun 2014 persempelan telah dijalankan pada 2, 14, 22, 28 dan 29 Mei bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor di mana keputusan persempelan pada 2 Mei telah didedahkan melalui satu sidang media oleh saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan Infrastruktur dan Kemudahan Awam pada 7 Mei yang lalu. Satu seminar pemakluman status kualiti

dan kuantiti kolam-kolam air dan sumber air ini akan diadakan pada 18 Jun 2014 untuk memberikan makluman kepada masyarakat dan pihak berkenaan tentang status semasa kolam-kolam tersebut. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan air kolam sumber air yang dipam ke Sungai Selangor adalah mematuhi piawaian air mentah Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dirawat oleh loji pembersihan air. Proses pemantauan kualiti air dijalankan melalui tiga peringkat, iaitu:

- 1) Pemantauan di kolam sumber air oleh LUAS dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
- 2) Pemantau air mentah ke sungai dan muka sauk oleh operator loji dan juga Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
- 3) Pemantauan air terawat selepas proses rawatan di loji pembersihan air oleh operator loji dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Persempelan dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan LUAS serta analisa sampel dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia berdasarkan analisa pemantauan kualiti air yang dijalankan sepanjang tempoh pengepaman air kolam sumber air di Sungai Selangor mendapati tiada pelanggaran bagi para meter logam berat di air mentah bagi muka sauk dan air terawat. Pihak Lembaga Urus Air Selangor telah melantik Jurutera Perunding Za'aba untuk menjalankan kajian bertajuk kolam air kajian kolam bekas lombong sebagai kolam takungan air aliran air banjir di lembangan Sungai Selangor yang telah selesai pada November 2013. Dalam kajian tersebut turut dijalankan persempelan kualiti air di beberapa kolam bekas lombong di Bestari Jaya. Hasil persempelan-persempelan menunjukkan secara keseluruhannya para meter logam berat adalah mematuhi garis panduan kriteria kualiti air mentah yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya ada dua soalan di sini. Yang pertama, saya melihat ada unsur-unsur bahan logam berat berbahaya daripada sumber-sumber air lombong berkenaan. Apakah *assurance* ataupun jaminan daripada Kerajaan Negeri dalam menjamin secara jangka panjang. Sebab kajian-kajian yang kita lihat tadi lebih bersifat jangka pendek. Kalau ada logam-logam berbahaya kita kena pastikan bahawasanya *accumulative effect* dia, bila kita *consume* dia terlalu lama, apakah ada jaminan jangka panjang punya kesan kepada pengguna-pengguna. Itu pertama. Ni, saya nak tengok apakah jaminan daripada Kerajaan dari segi jangka panjang. Yang kedua, sistem yang digunakan di dalam mengumpul air ini, saya lihat mempunyai ciri-ciri *straw in and straw out water*, dari

dan dalam sungai ataupun kolam ataupun lombong, yang kemudian disimpan dengan stok yang begitu banyak di loji-loji pembersihan. So, soalan saya, apakah ada niat atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk mengambil peluang ke atas inisiatif ini apabila paras air dapat diimbang. Maksudnya, bila you, *straw in, straw out*, air daripada air sungai dengan lombong ini, tentu you akan mengimbangkan kadar paras air di kedua-dua tempat. Jadi apakah mungkin ataupun ada niat daripada Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif ini, untuk mengatasi masalah banjir, terutamanya bagi kawasan saya di Batang Kali, kerana punca-punca ataupun cadang-cabang sungai ini dari kawasan tempat-tempat saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan beliau tanya dua soalan tambahan kerana ia dijawab bersekali dengan satu lagi soalan yang ditanya oleh Batang Kali.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Batang Kali bertanyakan berkaitan dengan logam berat. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, walaupun kita didedahkan dengan laporan-laporan yang mengatakan bahawa logam berat yang begitu banyak, tetapi hasil daripada analisis kita, yang kita lakukan, sebenarnya kajian pemantauan dilakukan setiap tahun, seperti yang saya katakan tadi, sehingga pada tahun ini, yang mana tahun ini kita lakukan dengan lebih kerap lagi. Setiap minggu kita lakukan analisis-analisis air ini dan kita dapati kesemua sampel-sampel ini adalah mematuhi piawaian yang ditetapkan. Dan tidak melebihi daripada paras-paras yang piawaian. Sebab itu, sebenarnya keputusan analisa itu ada. Dan Insya-Allah pada 18hb ini, bersempena dengan seminar yang akan kita adakan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Boleh saya mencelah sedikit, Tuan Speaker. Ya, saya akui, jaminan-jaminan itu, tetapi saya nak katakan *effect* pengguna, pengguna ini, dia yang, you, tak buat *testing* kepada pengguna. You buat sampel air. Sekarang saya nak tahu, pengguna itu apa *effect* dia apabila dia *consume* terlalu lama. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Suka saya tekankan, sebab ini persepsi yang akhirnya rakyat terima. Seolah-olah air yang kita minum ini adalah air daripada kolam takungan kita. Tetapi kita sudah pastikan bahawa kualiti air kita ini adalah kualiti di dalam, kualiti yang di dalam piawaian yang dibenarkan. Dan ini, air ini akan dirawat oleh loji-loji kita. Dan hasil daripada loji ini juga air kita adalah air yang boleh digunakan, yang kualitinya ditetapkan untuk kita gunakan. Sudah tentulah patutnya kualiti ini tidak akan memberi apa-apa kesan. Sebab kualiti inilah kita gunakan selama ini. Sebab itulah saya kira, daripada analisa-analisa yang kita buat dan pemantauan ini, kita boleh memberi jaminan bahawa air yang kita beri ini adalah selamat dan tidak akan memberi kesan. Tapi mungkin ada baiknya, sekiranya kalau kita nak lakukan daripada, mungkin ada satu kajian daripada jabatan-jabatan berkaitan impak tetapi saya kira kalaulah kualiti air yang kita, analisa yang kita pantau ini di dalam piawaian

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker, sikit nak tanya.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali, biar EXCO jawab habis dulu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak, sikit saja, sebab saya dah faham apa yang dia nak jawab. Saya kata impak kepada pengguna, betul. Sekarang dia mengatakan air yang diambil sampel yang diambil daripada lombong sama dengan apa yang kita pakai sekarang. Tetapi apakah itu bermaksud kedua-dua sumber air yang dibezakan tadi itu mengandungi bahan-bahan logam-logam yang berbahaya, yang mungkin ada bersifat radioaktif. Ini yang kita nak apa ni...

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ketawa.... Terima kasih, Batang Kali, sebab itu saya katakan, saya boleh nyatakan di sini bahawa air-air yang kita guna, yang kita minum ini adalah bebas daripada logam-logam berat dan juga logam-logam seperti mana yang kita khuatiri. Ini jaminan yang kita boleh beri setakat ini. Dan kita pun tidak mahu kalau ianya daripada analisa itu adalah mengandungi kandungan logam ataupun logam berat, kita tidak akan benarkan untuk dirawat sebagai penggunaan kepada masyarakat. Kepada soalan yang kedua, sistem air yang kita gunakan. Sebenarnya kolam-kolam yang kita gunakan ini adalah sebahagian daripada proses-proses mitigasi di dalam kita menghadapi masalah banjir. Dan kita mengambil kesempatan ini sebenarnya untuk memperbaiki pengurusan sistem pengurusan air kita di Negeri Selangor, kerana selain daripada ia dapat mengatasi masalah banjir, kita boleh gunakan dengan keadaan air yang kita analisa ini selamat untuk keperluan apabila waktu kemarau dan keadaan-keadaan yang memerlukan. Dan hari ini kita sudah ada satu sistem pengurusan yang mana kita tahu, empangan Sungai Selangor adalah sumber air mentah yang besar. Kalau dahulunya sentiasa dikeluarkan dalam keadaan berterusan, hampir kepada 400 juta liter sehari. Tanpa mengambil paras air di Sungai Selangor, lebih aliran air. Tetapi hari kita sudah melihat paras air di sepanjang Sungai Selangor terutamanya di barat kita, di Binjai Jaya, dan juga lebih air ini, yang mana kita boleh, kita boleh kurangkan pengeluaran ataupun pelepasan daripada empangan Sungai Selangor supaya akhirnya pengurusan kita baik dan kita dapat memanjangkan hayat penggunaan air kita yang kita simpan di empangan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih, Tuan Speaker. Pembinaan, penggunaan air-air lombong ini sebenarnya untuk mengatasi terutamanya daripada krisis bekalan air. Dan sebenarnya air lombong ini juga bergantung pada air hujan yang ada dalam Negeri Selangor. Untuk mendapatkan bekalan air itu yang ada di dalam simpanan lombong-lombong. Soalan saya,

apakah jaminannya lombong-lombong yang ada ini mencukupi untuk membekalkan air bagi keperluan terutamanya bila krisis, supaya catuan air tidak berulang. Itu yang saya minta supaya dijelaskan dan sebenarnya persepsi tentang air, tentang lombong-lombong ini mengandungi bahan-bahan arsenik dan mencemarkan, itu bukan sahaja persepsi. Itu adalah kenyataan daripada kajian-kajian yang dibuat. Jadi perlu ada jaminan untuk memastikan bahawa rakyat di Selangor ini benar-benar tidak melalui kebimbangan bahawa air yang digunakan itu tidak tercemar apabila digunakan nanti. Dan kerana itu saya minta laporan-laporan tentang kajian-kajian yang dibuat tentang mutu air ataupun kualiti air ini dibentangkan dalam Dewan ini.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Sungai Burong. Berkaitan air sama ada mencukupi ataupun tidak, *perceptions* masyarakat pada hari ini yang dibawa oleh, yang diwar-warkan seolah-olah bergantung kita semata-mata kepada air dari lombong dan juga air hujan seperti mana Yang Berhormat katakan tadi. Tetapi sebenarnya kita menjadikan kolam-kolam ini sebagai kolam takungan yang mana apabila paras air di Sungai Selangor ini melebihi daripada, mempunyai aliran lebihan, maka kita akan alirkan ataupun kita sedut air itu ke kolam-kolam, yang mana ini menjadi satu simpanan kepada kita apabila kita memerlukan. Dan setakat ini, daripada kiraan kita beberapa kolam yang telah kita kaji dengan mutu kolam itu, air kolam itu sendiri, kita mempunyai jangkaan bahawa kita mencukupi jumlah air yang kita perlukan. Bukan sehingga air itu kering di kolam-kolam tersebut, tetapi kita menjangkakan kita boleh bertahan empat hingga lima bulan, dengan *adjustment*, daripada empangan yang akan kita keluarkan. Berkaitan dengan persepsi, sekali lagi pengkajian

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS:** Bolehkah bagi jaminan bahawa bila berlaku nanti, sebab musim kemarau ini, *El-nino*, kita tidak akan menghadapi air yang menyebabkan kita kena catu. Sebab saya ingat rakyat Negeri Selangor ini sudah serik kena catu air. Ini yang kita nak tahu. Sebab cuma alternatifnya pada air lombong, air lombong ini bergantung pada air hujan. Kalau hujan tak turun, di Negeri Selangor ini, kita akan, jadi kalau kita tak ada alternatif lain, misalnya bawa air dari tempat lain, jadi ini yang memungkinkan krisis itu boleh berlanjutan. Jadi saya nak minta jaminan itu, maknanya air lombong ini walau apa pun, saya ingat Yang Berhormat senyum, Menteri Besar, dia senyum dia *confident*, dia kata dia boleh, tapi saya nak bagi jaminan jangan ada lagi catuan air kerana kolam-kolam ini cukup.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Saya ingat untuk kita bagi jaminan katakan 100% begitu, mungkin ada tak akan berlaku. Tetapi setakat ini, yang kita lihat daripada perkiraan kita. Dengan usaha kita menyimpan air, dengan adanya empangan air di Empangan Selangor yang kita ada dan usaha-usaha kita lain termasuklah pembenihan awan, yang Insya-Allah kita akan lakukan. Selain daripada itu, pun kita tidak sebut berkaitan dengan *aquifer*, ataupun tasik bawah tanah, yang mungkin ini juga akan menjadi sumbangan alternatif kepada air kita ini.

Tetapi kita boleh katakan dengan perkiraan kita pada hari ini, kita boleh memberikan jaminan, Insya-Allah selama empat hingga lima bulan air kita akan mencukupi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Saya hanya ada satu soalan muktamad saja. Iaitu semalam ada sebuah NGO yang melontarkan cabaran kepada Kerajaan bahawa sanggupkah Kerajaan minum air terawat yang diproses daripada air bekas tasik, bekas lombong ini. Saya ingin mendapat satu pendapat ataupun pandangan ataupun keputusan daripada Kerajaan kalau ini boleh dilakukan, saya kira saya sanggup, saya sendiri sanggup untuk hadir bersama-sama dan kita lakukannya supaya keraguan ini kita hilangkan *onces and for all*. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya ingat itu cadangan daripada Kampung Tunku, saya ingat bukan soalan. Terima kasih kepada Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER:** Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan speaker. Soalan saya No. 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Nyatakan pencapaian dan kelemahan program Pusat Wanita Berdaya Negeri Selangor dalam membantu kaum wanita di dalam negeri.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Balakong bertanya tentang pencapaian dan kelemahan Pusat Wanita Berdaya. Melalui kajian dan pemerhatian yang dijalankan Pusat Wanita Berdaya telah banyak membantu kaum wanita di Negeri Selangor. Kalau kita lihat kehadiran dalam program-program yang dilaksanakan sehingga kini pencapaian sebanyak 110,283 orang wanita yang telah menghadiri program-program yang dijalankan di seluruh Selangor. Di antara perkara yang, pencapaian boleh saya nyatakan di sini, boleh dikatakan minat dan secara besarnya adalah dalam program-program yang walaupun kita meletakkan 12 fokus untuk program wanita ini diberikan pembedayaan, tetapi minatnya lebih kepada program kemahiran seperti kemahiran

masakan, kemahiran membuat pakaian dan juga kemahiran kraf tangan. Yang mana, oleh itu kejayaan yang telah pun saya katakan fokus kepada tiga bentuk pembedayaan itu, iaitu kemahiran, ia telah berjaya melahirkan usaha wanita yang telah pun menghasilkan produk sendiri secara berkumpulan di bawah Pusat Wanita Berdaya. Oleh itu ingin saya nyatakan ataupun bacakan, di antara produk yang telah berjaya dilaksanakan iaitu :-

- i) Biskut Kelapa daripada Pusat Wanita Berdaya Selat Kelang.
- ii) Mee Kuning daripada Pusat Wanita Berdaya Lembah Jaya.
- iii) Kuih Sejuk Beku daripada Pusat Wanita Berdaya Rawang.
- iv) Tempahan Pelbagai Pakaian Seragam daripada Pusat Wanita Berdaya ijok dan Pusat Wanita Berdaya Sijangkang.
- v) Rekaan Kreatif hasil kraf tangan iaitu tudung saji daripada Pusat Wanita Berdaya Sungai Air Tawar
- vi) Telekung daripada Pusat Wanita Berdaya Morib.

Selain daripada itu pencapaiannya adalah wanita-wanita di seluruh Selangor juga diberikan pembedayaan dalam konteks kesedaran kesihatan, undang-undang yang mana, Alhamdulillah sekarang ini ada lima Pusat Wanita Berdaya telah pun mewujudkan kumpulan Para Legal untuk membantu wanita-wanita di DUN masing-masing yang mempunyai masalah-masalah perundangan. Yang ketiganya tentang kemahiran ICT dan juga pengurusan rumah tangga ataupun kewangan rumah tangga. Kelemahan pastinya ada di dalam pengurusan Pusat Wanita Berdaya, sehingga kini kajian demi kajian dan impak tadi untuk memastikan ia dilaksanakan secara berkesan telah dilaksanakan tetapi ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini di antara penemuan kelemahan yang terbesar adalah isu utamanya adalah bila mana tidak ada agensi khusus ataupun badan khusus yang melihat secara langsung tentang perkembangan atau tentang pelancaran atau kelancaran pengurusan program-program ini. Ia sekarang ini hanya dikendalikan oleh Pejabat *STANDCO* Wanita sahaja tetapi ia tidak cukup kerana ia hanya dibantu oleh seorang pegawai daripada UPEN. Begitu juga kita lihat tentang isu kakitangan ataupun pegawai yang kita minta supaya melihat tentang perkembangan Pusat Wanita Berdaya ini iaitu Penyelia Pusat Wanita Berdaya, ia lebih kepada sukarelawan sekarang ini, ia tidak dibayar apa-apa elaun untuk pelaksanaan itu. Jadi untuk itu, saya telah pun, saya telah pun menghantar permohonan dan telah pun dikemukakan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri supaya dua kelemahan ini diperbaiki dengan memperuntukkan kewangan khusus untuk pelantikan Penyelia Pusat Wanita Berdaya dan juga kita mahu ia kawalan dibuat secara langsung bersama dengan



Pembantu Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan di setiap daerah. Sekian, terima kasih. Itu saja.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya ingin nak tanya. Saya difahamkan bahawa banyak tempat masih belum melantik Penyelia PWB termasuk Pandamaran. Jadi saya nak tahu bilakah pelantikan tersebut akan dilaksanakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH DR HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Pandamaran. Untuk makluman, nama-nama telah pun dikemukakan ke Pejabat STANCO Wanita tapi pelantikan tersebut hanya boleh dibuat setelah, setelah kelulusan bersama dikemukakan kepada EXCO. Di mana nama-nama itu Insya-Allah dijangka pada bulan 7 ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke-30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: KEMPEN “HIJAUKAN BUMI”**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri dalam usaha menyahut kempen “Hijaukan Bumi” yang bertujuan menjaga kualiti amal?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, semenjak pelancaran kempen penanaman 26 juta pokok menjelang tahun 2014 di seluruh negara yang bertemakan “Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok” di Negeri Selangor setakat tahun 2013, sebanyak 711,210 pokok telah berjaya ditanam melalui penyelarasan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Kempen tersebut adalah salah satu inisiatif kerajaan menangani isu perubahan iklim. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor juga melaksanakan Dasar Hijaukan Selangor sebagai salah satu tindakan yang amat penting memandangkan bukti kita sering mengalami bencana alam yang mengancam kualiti alam sekitar. Di antara tindakan dan inisiatif hijau tersebut ialah melancarkan beberapa kempen dan dasar seperti berikut:

- i. Kempen Hari Tanpa Beg Plastik;

- ii. Kempen 10:10 Menangani Perubahan Iklim Dengan 10 Langkah Mudah;
- iii. Kempen Guna Semula Bekas Makanan Di Bangunan-bangunan Kerajaan;
- iv. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan pada tahun 2009 dan diselaraskan oleh Jabatan Alam Sekitar di mana program ini melibatkan wakil rakyat atau pemimpin masyarakat di peringkat Parlimen bersama-sama rakyat melaksanakan program kesedaran alam sekitar secara (dengan izin) *hands-on*; dan Program melaksanakan garis panduan kejiranan hijau yang diguna pakai di PBT-PBT Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Kempen-kempen Bumi Hijau terutamanya untuk tanaman pokok ini telah pun dijalankan tapi kita perhatikan dari masa ke semasa masalah orang kata pemanasan bumi ini semakin terasa walaupun kita lihat tanam pokok banyak tapi suhu di Negeri Selangor semakin meningkat. Jadi apakah ini program ini telah berjaya? Di samping itu juga kita lihat penanam pokok ini nampaknya berlawanan dengan usaha-usaha penebangan pokok. Makin banyak pokok-pokok ditebang. Kemudian, pemaju-pemaju ini tidak pula disarankan atau pun menimbulkan kesedaran untuk menggantikan pokok-pokok itu dengan jumlah yang sama atau pun dengan lebih banyak. Adakah kerajaan negeri bercadang dalam usaha untuk bukan sahaja untuk menghijaukan tetapi untuk mengawal iklim di negeri Selangor ini untuk mensyaratkan supaya penebangan pokok ini diambil tindakan yang serius dan pemaju-pemaju juga haruslah disyaratkan untuk menanam jumlah pokok yang sama atau lebih untuk pastikan supaya, saya mencadangkan supaya lebih lah! Supaya kita dapatkan pantau keadaan pemanasan yang semakin meningkat di negeri Selangor ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Sungai Burong. Pemanasan bumi bukan sahaja berlaku di Selangor, bukan sahaja berlaku di negeri/negara

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya minta fokus di negeri Selangor. Sebab tiap-tiap hari kita sudah tidak tahan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tapi ..

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tambahan pula musim El – Nino ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya harap Sungai Burong, biar saya habis.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Jangan cerita negeri lain di dunia, saya hendak fokus kempen Bumi Hijau di Selangor.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tetapi ini satu isu global. Jadi di negeri Selangor kita mengambil tanggungjawab kolektif maksudnya kita bukan sahaja biar negara-negara lain, negeri-negeri lain melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menghijaukan bumi dan menjaga alam sekitar tetapi kita juga buat di negeri Selangor oleh sebab itu kita ada beberapa kempen dan sebagainya. Dan sebagai satu negeri yang paling maju seperti di negeri Selangor memang cabaran-cabaran yang dihadapi di negeri Selangor agak berbeza daripada negeri-negeri lain. Oleh sebab itu tumpuan kita sebagai contoh yang saya telah beri untuk soalan Sungai Pelek adalah kegiatan ataupun aktiviti menanam pokok.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tuan Speaker, saya minta

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Sungai Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya minta menjawab soalan saya tadi.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Sungai Burong, biar saya habiskan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tanya pasal penanaman pokok

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, biar Yang Berhormat EXCO habiskan dulu ya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya memang hormat Sungai Burong sebagai Ketua Pembangkang tetapi Sungai Burong juga kena hormat saya, supaya saya boleh habiskan. Habiskan, baru boleh tanya soalan lah! Ada tiga (3) minit, banyak masa. Ya. Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi di negeri Selangor kita mempergiatkan penanaman pokok di negeri Selangor di kawasan taman, PBT di peringkat daerah, kita bekerjasama dengan pihak swasta, dengan masyarakat tempatan dan sebagainya. Tentang isu penebangan pokok yang kononnya mengikut kenyataan Sungai Burong, semakin banyak pokok ditebang khasnya oleh pemaju. Di peringkat PBT di bawah undang-undang kecil yang sedia ada setiap pokok yang ditebang mesti dapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan bila pokok itu ditebang ia perlu digantikan, itu adalah *standard* yang kita ada di negeri Selangor. Dan saya rasa kalau kita lihat jumlah pokok yang telah saya sebut tadi, 711 210 pokok.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tuan Speaker, saya hendak jelaskan sedikit soalan saya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** 700 pokok

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Soalan saya tadi

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, Biar Yang Berhormat EXCO habiskan dahulu nanti saya benarkan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** 700 pokok yang ditanam di negeri Selangor semenjak 2010, saya rasa itu adalah satu jumlah yang munasabah tapi kita boleh menambah baik lagi aktiviti-aktiviti tersebut. Jadi bila-bila masa Sungai Burong hendak tanam pokok di DUN Sungai Burong sila jemput saya. Saya bersama-sama Yang Berhormat, kita sama-sama tanam pokok di DUN Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, tentang tanam pokok itu kita memang sama-samalah membantu, saya ingat di kawasan saya, kita sama-sama memelihara hutan, kita sama-sama benih pokok hutan bakau iaitu Insya-Allah kita akan memberi sokongan padu. Tapi saya hendak minta penjelasan tu, sebab yang ditanam semula ialah pokok-pokok, *developer* ini maksud saya ialah sebab asalnya dibangunkan satu kawasan itu dengan adanya pokok-pokok sama ada kelapa sawit sebagai satu cara untuk orang kata mengawal iklim ataupun hutan yang asal atau belukar yang asal. Jadi jumlahnya memang tidak setimpal ini. Jadi kita hendak minta supaya disyaratkan *developer* ini memperbanyakkan. Jadi *buffer*, *buffer* bukan sahaja, bukan saya yang minta ini, *buffer* janganlah orang kata tanam rumput sahaja. Lebatkan dengan pokok-pokok yang hijau dan besar-besar ini. Supaya orang kata dapat iklim yang baik.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Peraturan Tetap yang mana satu.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Peraturan Tetap 24 (4) sesuatu kenyataan itu tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas.

**TUAN SPEAKER:** Tanya soalan tambahan Sungai Burong?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tidak tanya soalan tambahan pun. Persoalan saya itu sebab dia cakap *developer* itu tanam pokok yang ada ini sudah lebih. Tetapi saya kata untuk menetapkan iklim *developer*

kena buat lebih daripada itu. Penambahan pokok untuk mengawal iklim itu yang saya .

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Sungai Burong, di peringkat PBT di mana kawasan yang ada kemajuan atau pun pembangunan pokok yang ditanam itu akan dimaklumkan kepada pihak PBT bukan, sudah tentu kita bukan tanam kelapa sawit khasnya di kawasan tanam. saya pun setuju dengan Sungai Burong isu itu tidak akan menangani perubahan iklim kalau hanya ada kelapa sawit. Kita perlu ada pelbagaikan pokok yang ditanam di negeri Selangor. Jadi saya tidak ada isu saya setuju, kadang kala kita perlu setuju dengan saranan daripada Ketua Pembangkang juga tapi ini isu yang saya boleh setuju sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menghampiri 11.30 pagi dengan ini saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikuti peraturan 24 (5) dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, tempoh pertanyaan hari ini hendaklah dilanjutkan sehingga 12.00 tengah hari.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'YA', ahli-ahli yang tidak bersetuju sila berkata 'TIDAK'. Usul ini dipersetujui. Pertanyaan dilanjutkan. Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PROGRAM MES**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) PTRS, kelewatan bekalan bahan mengajar, bayaran tuntutan elaun guru & petugas. Sebabnya?
- b) TUNAS, beban tambahan kepada TADIKA kecil atas kelewatan jawapan permohonan dan bayaran baucar. Punca dan penyelesaian?

- c) Mengapakah bahan promosi dan barang permohonan pihak PKM perlu cetak sendiri?

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Meru. Meru bertanya tentang PTRS kelewatan bekalan bahan mengajar, bayaran tuntutan elaun guru & petugas. Apa sebabnya? Pada tahun 2014 sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor yang mahu menjimatkan kos dan mengupayakan penjawat awam di jabatan dan agensi kerajaan kaedah pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) telah mengalami perubahan seperti berikut:

- I. Pelaksanaan PTRS kini tidak lagi dilaksanakan melalui konsultan, sebaliknya diurus sendiri oleh penjawat awam (BPSM). Oleh itu, terdapat beberapa prosedur perlu dikemas kini dan ditambah baik.
- II. Kelewatan bahan mengajar atau nota adalah disebabkan oleh perkhidmatan pembekalan nota ini perlu mengalami proses sebut harga, tidak seperti tahun-tahun sebelum ini di mana PTRS dilaksanakan secara pakej oleh konsultan termasuk urusan pembekalan nota. Maknanya kita ada satu proses yang baru yang mana penjawat awam kita berada di *learning curve* atau ini adalah *hearing problem* (dengan izin).

Punca kelewatan jawapan permohonan dan bayaran baucar untuk TUNAS pula adalah disebabkan oleh perkara berikut:

Pendaftaran dan Permohonan.

- I. Jumlah Permohonan yang sangat tinggi iaitu sebanyak 6000 permohonan bermula bulan Januari hingga Februari 2014, menyebabkan tempoh masa yang diambil untuk urusan memproses borang permohonan agak lama. Namun demikian, urusan tersebut telah dapat diselesaikan dalam tempoh tiga (3) minggu selepas tarikh tutup permohonan pada 17 Februari 2014. Untuk penambahbaikan untuk permohonan 2015, akan dibuka Disember 2014 hingga 31 Januari 2015. Maka proses, memproseskan permohonan itu insya-Allah mungkin kita selesai dengan secepat mungkin.
- II. Dokumen permohonan yang dihantar tidak lengkap menyebabkan prosedur tambahan perlu dilaksanakan bagi melengkapkan permohonan. Maknanya kena patah balik kepada pemohon. Tiada maklumat permohonan yang lengkap menyebabkan sukar untuk dihubungi oleh pegawai operasi. Maknanya pemohon tiada nombor telefon dan sebagainya dan permohonan dihantar lewat oleh pemohon. TADIKA dan pusat khidmat ke bahagian Operasi TUNAS.

Kelulusan bayaran – Proses pembayaran perlu melalui pelbagai peringkat yang melibatkan pelbagai pihak iaitu Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan sumber Manusia, Seksyen Agihan dan Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi (UPEN) dan Perbendaharaan Negeri.

Isu-isu lain – terdapat beberapa TADIKA merayu untuk menangguhkan pemakluman sehingga cek bayaran diterima oleh ibu bapa kerana kebanyakan ibu bapa mengambil pendekatan untuk tidak membayar yuran terlebih dahulu sekiranya telah maklum bahawa permohonan mereka telah berjaya. Terdapat sebahagian Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Negeri yang lewat mengambil & menyerahkan cek kepada TADIKA yang terlibat.

Beberapa kaedah penyelesaian telah dikenal pasti bagi menyelesaikan isu-isu di atas antaranya ialah:

- Mengadakan sesi taklimat berkaitan pendaftaran, kelulusan, pembayaran dan penyampaian manfaat kepada semua Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Negeri dan Pihak yang terlibat;
  - Kelulusan dan pemakluman bayaran dibuat dalam 2 fasa iaitu 4 bulan bagi fasa 1 dan dua dan 3 bulan bagi fasa terakhir atau kelulusan bayaran bagi setiap bual dibuat terus bagi tempoh setahun iaitu untuk sebelas bulan (11 bulan);
  - Pegawai Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilantik di setiap Dewan Negeri perlu lebih proaktif dalam melaksanakan program Skim TUNAS ini seperti pelaksanaan Program MES yang lain iaitu Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang giat dilaksanakan di setiap Dewan Negeri;
  - mengadakan sesi taklimat secara berkala bagi semua penerima di setiap daerah yang akan memohon dan yang telah menerima kelulusan; dan
  - permohonan yang layak akan di isi terus ke dalam sistem e-tunas oleh pihak TADIKA dan dihantar salinan berserta dokumen ke Pusat Khidmat Masyarakat untuk semakan dan kepada Pejabat RMSB untuk pengesahan serta kelulusan
- c) Bahan promosi MES masih dicetak di peringkat operasi MES namun Borang Permohonan sahaja yang dikurangkan jumlah cetakan berdasarkan perkara berikut:

- I. jumlah borang yang dicetak adalah mengikut peratus sasaran peserta yang akan menerima manfaat berdasarkan peruntukkan yang diberikan pada setiap tahun;
- II. mengelakkan penyebaran borang tanpa kawalan dan tidak sampai kepada kumpulan sasaran;
- III. mengelakkan dan mengurangkan risiko bekalan borang habis di Pusat Khidmat Masyarakat ketika pemohon datang ke pusat khidmat; dan
- IV. memberi pelbagai pilihan kepada pemohon untuk mendapatkan akses permohonan agar tiada isu keciciran dari mendapatkan manfaat MES. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: KOS SELENGGARAAN KENDERAAN UPEN**

32. Merujuk sepanjang tahun 2013.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besa :-

- a) Berapakah bilangan kenderaan yang didaftarkan di bawah UPEN dan SUK?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan selenggaraan menurut kelas kenderaan?
- c) Berapakah pecahan perbelanjaan menurut bengkel yang membuat selenggaraan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Hulu Kelang bertanyakan tentang kos selenggaraan kenderaan di bawah jagaan Unit Perancang Ekonomi Negeri. Berapakah bilangan kenderaan yang didaftarkan di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri? Sejumlah 80 kenderaan yang telah didaftarkan dan pada tahun 2013 sebanyak RM1,270,581 telah digunakan dalam perbelanjaan termasuk minyak dan juga termasuk perbelanjaan-perbelanjaan pembaikan. Senarai nama kenderaan Setiausaha Kerajaan Negeri dan kos-kosnya dan harga belinya saya akan hantarkan kepada Yang Berhormat untuk dikaji.



Berapakah pecahan perbelanjaan mengikut bengkel yang membuat penyelenggaraan tersebut? Ini masih belum diselesaikan. Tapi saya akan hantar kepada Y.B. Hulu Kelang untuk kajian.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Apakah kaedah-kaedah pelantikan bengkel-bengkel itu? Adakah melalui tender, sebut harga ataupun sebagainya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Y.B. Puan Speaker, seperti biasa semua proses-proses perbelanjaan dibuat untuk nilai yang lebih daripada RM50,000 dia dibuat dalam bentuk tender dan untuk kurang daripada RM50,000 dibuat dalam bentuk sebut harga.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan? Seri Andalas?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Speaker, Peraturan 24(2). Saya ingin mengambil soalan Taman Medan.

**TUAN SPEAKER:** Ok.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa kali Rancangan Struktur Negeri (RSN) Selangor telah diterbitkan dan tempoh setiap RSN?
- b) Apakah dokumen rujukan bagi merangka RSN sebelum dan selepas ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Puan Speaker. Taman Medan bertanyakan tentang Rancangan Struktur Negeri Selangor. Kebanyakan Rancangan Struktur Negeri Selangor dibuat setiap 5 tahun dan adalah rancangan yang pertama. Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 yang sudah disiapkan, disediakan bagi perancangan peringkat negeri yang mana sebelum ini perancangan struktur disediakan di peringkat daerah. Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020

ini telah diwartakan pada tahun 2007 dan kemudian untuk membuat perubahan-perubahan yang baru dalam struktur perancangan negeri Selangor.

Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 pula disediakan bagi menggantikan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020. Penggantian dan kajian semula ini dilakukan setelah dibuat semakan semula ke atas Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 didapati terdapat perubahan besar ke atas dasar-dasar serta arah tuju pembangunan negeri yang mesti dikemas kini dan dikaji semula. Keperluan untuk semakan ini selaras dengan keperluan Seksyen 11 Akta Perancangan Bandar dan Desa Tahun 1976 ataupun dipanggil Akta 172 yang memperuntukkan supaya semakan semula ke atas rancangan struktur sedia ada dilakukan setiap 5 tahun. Dan perancangan ini ialah dalam proses pembuatannya dan satu seminar yang telah diadakan baru-baru ini untuk pihak perancang bandar dan desa membuat penerangan tentang apa yang telah dilakukan dan beberapa perkara dari segi tatacara merangka struktur itu pun diperbincangkan. Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor, pakej Merakyatkan Ekonomi Selangor, Agenda 21 (semua itu) diambil kira dalam Struktur Rancangan Negeri Selangor 2030.

Untuk makluman Dewan, Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 ini masih dalam peringkat draf. Di mana ianya akan dipublikasikan untuk penyertaan pihak awam bagi memberi pandangan dan cadangan atau bantahan ke atas kandungan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 ini. Apabila Rancangan Struktur Negeri Selangor ini diwartakan, ianya adalah menjadi dokumen rujukan rasmi kerajaan negeri bagi perancangan pembangunan negeri sehingga 2035 ataupun sehingga rancangan yang baru akan dikemukakan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih dan tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana mengambil inisiatif untuk membetulkan draf Rancangan Struktur Negeri ini. Saya ingin tanya. Dalam proses membentuk draf pada masa ini (difahamkan bulan Ogos draf ini akan siap), adakah kerajaan negeri berhasrat untuk *engage* (dengan izin) NGO-NGO, persatuan-persatuan profesional seperti *Malaysia Planning Institute*, *Architect Association* dan sebagainya dan juga ADUN-ADUN di Negeri Selangor dalam proses penyediaan draf supaya bila draf keluar pada bulan Ogos nanti, semua idea-idea awalan ini boleh kita masukkan, kita boleh jadi satu *common frame work* untuk kita bergerak ke hadapan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Speaker, benar kenyataan Y.B. Bukit Gasing tentang prosesnya. Proses awal ialah pihak perancang bandar dan desa

telah meminta *consultant* untuk membuat rangka yang untuk rangka Rancangan Struktur Negeri Selangor. Rangka ini sudah sedia dan beberapa maklumat telah dimasukkan dan sekarang ialah proses perbincangan. Dan bulan lepas, kita telah adakan perjumpaan di antara kerajaan (pegawai-pegawai tinggi negeri Selangor), EXCO dan juga pihak perancang negeri untuk membahaskan tentang perkara-perkara yang perlu dimasukkan di dalam aspek perancangan ini. Dan peringkat yang kedua, sudah tentu perancang-perancang kita akan membentangkan kepada kumpulan-kumpulan profesional yang terlibat umpamanya dalam hartanah atau terlibat dalam sektor-sektor tertentu untuk memberikan komen-komen mereka.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK: FENOMENA EL-NINO**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah pelan tindakan kerajaan negeri dalam menghadapi fenomena El-Nino yang dijangka melanda negara sekitar bulan Jun sehingga bulan September tahun ini?
- b) Apakah pula tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan jerebu hasil dari kebakaran kawasan tanah gambut?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya akan jawab ini bersekali dengan soalan 70 dan juga soalan 154 kerana ianya semua berkenaan tentang isu dan juga fenomena El-Nino.

Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah awal untuk mengurangkan kesan El-Nino yang dijangka pada bulan Jun sehingga Oktober 2014 seperti berikut :-

- i) Adalah pengepaman air Sungai Selangor ke dalam kolam-kolam alternatif yang terdapat di hulu muka sawk di sepanjang sungai untuk tujuan simpanan dan akan dipam semula ke dalam sungai apabila paras sungai rendah akibat cuaca tinggi;
- ii) Pihak LUAS dengan kerjasama JPS Negeri dan Kumpulan Semesta telah memasang beberapa unit pam yang akan digunakan untuk

mengepamkan air dari kolam alternatif ke Sungai Selangor bagi menambahkan bekalan air mentah ke muka sauk;

- iii) Pihak LUAS telah mengenal pasti beberapa lokasi untuk abstraksi sumber air bumi sebagai sumber air tambahan ketika musim kering sebagai contohnya di kawasan Kuala Langat dengan kerjasama kilang Megasteel. Syarikat tersebut telah memberi komitmen secara bertulis untuk melaksanakan CSR untuk membantu kerajaan negeri membekalkan sumber air bumi kepada orang awam;
- iv) Operasi pembenihan awan. LUAS bersama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (GMM) telah menjalankan operasi pembenihan awan dengan kerjasama pihak Tentera Udara Diraja Malaysia dan juga pihak swasta. Dan selain daripada itu, kerajaan Negeri juga bersama dengan pakar daripada Royal Rainmaking Thailand menjalankan ujian ataupun *test* teknik pembenihan awan yang alternatif;
- v) Adalah untuk mengawal pelepasan air daripada empangan. Untuk mengoptimumkan penggunaan air empangan, kawalan di atas pelepasan air yang ketat yang dilakukan untuk mengelakkan pembaziran.

Jadi, saya juga ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini, adalah ramalan hujan yang bakal ada di negeri Selangor dan ramalan ini adalah daripada Jabatan Meteorologi Malaysia. Pada bulan Mei di paras purata, bulan Jun sedikit di bawah paras purata, dan untuk bulan Julai sehingga September adalah di paras purata. Jadi, ramalan yang kita dapati daripada GMM adalah kebiasaannya kalau pada bulan Jun sehingga September/Oktober adalah monsun barat daya. Jadi dengan fenomena El-Nino, maksudnya ada penambahan sebagai contohnya kekeringan atmosfera, kenaikan suhu yang lebih panas dan sebagainya.

Jadi, juga ada satu soalan berkenaan tentang langkah kerajaan di bawah PBT di mana mereka memainkan peranan/sokongan. Di peringkat PBT terdapat ada satu pasukan khas yang dipanggil 'Pasukan Pantas'. Dan mereka diberi tanggungjawab untuk membantu menangani isu-isu bencana khususnya pembakaran terbuka.

Untuk mengelakkan ataupun mengurangkan pembakaran terbuka di negeri Selangor memang ada banyak langkah yang dijalankan. Yang saya ingin utamakan adalah kita ada sistem ataupun perangkaan untuk membanjirkan beberapa kawasan-kawasan tanah gambut khasnya di kawasan hutan yang mana ada air di bawah. Sebagai contohnya di Hulu Selangor, di Kuala Selangor dan juga di Kuala Langat. Dan ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pengaliran dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains. Dan kita telah tambah *tube well*

dan juga pam di kawasan-kawasan tersebut. Juga telah membangunkan beberapa ban (*clay ban*) di kawasan tersebut.

Kita juga ada Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah dan perangkaan ataupun perancangan awal sudah bermula sejak awal bulan Mei di mana mesyuarat telah diadakan. Di peringkat daerah, kita bermula di Sabak Bernam, lepas itu kita akan bergerak ke daerah Klang, Kuala Langat, Hulu Selangor dan Kuala Selangor. Ini adalah beberapa daerah-daerah yang kita tumpukan (fokus kita) untuk menangani pembakaran (mengelakkan ataupun mengurangkan bencana pembakaran terbuka).

Jadi saya ingin maklumkan kepada dewan yang mulia ini bahawa boleh dikatakan sekarang musim kering sudah sampai di Pantai Barat Semenanjung dan Selangor antara negeri yang akan mengalami masalah tersebut sejak hujung minggu yang lepas kita telah ada beberapa kes boleh dikatakan kes kecil pembakaran terbuka yang berlaku di Hulu Selangor di kawasan tumpuan kita iaitu Johan Setia di Klang, di Kapar, Banting dan sebagainya. Tapi dengan kerjasama dan gerak kerja yang pantas dan juga segera oleh Jabatan Bomba dan Pihak Berkuasa Tempatan api tersebut berjaya dipadamkan juga minta kerjasama dari semua Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor untuk mengambil maklum isu ini. Isu ini adalah sangat serius khususnya untuk tahun ini saya harap Ahli Yang Berhormat boleh membantu kerajaan negeri dan juga pihak PBT bersama Jabatan Alam Sekitar dan juga semua jabatan berkenaan memberitahu kepada penduduk tidak kira di taman atau di kawasan kampung dan sebagainya berhampiran hutan simpan, berhampiran tanah gambut jangan buat aktiviti pembakaran terbuka di negeri Selangor.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sejauh manakah sistem atau teknik pembenihan awan berjaya untuk dan berapa kos serta berapa kali telah dilakukan di negeri Selangor ini untuk tambah air di kawasan sasaran.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Setakat ini ada ujian atau *test* sebanyak kali kalau saya tidak silap dan kejayaannya adalah 80%. 80% *success rate*. Namun begitu kita akan hantar maklumat tersebut saya rasa untuk semua Ahli Yang Berhormat kerana ini adalah satu *test case* bukan sahaja di negeri Selangor tetapi di negara Malaysia menggunakan teknik *royal rainmaking technical* tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengalu-alukan usaha untuk mengambil langkah-langkah awalan

bagi mengelakkan masalah pembakaran di masa El-Nino ini. Cuma di kawasan-kawasan sawah pagi ini pembakaran terbuka ini biasa kerana petani-petani lepas musim menuai mereka akan membakar jerami-jerami. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan terutama untuk pastikan supaya pertama supaya petani-petani ini dilarang atau tidak digalakkan untuk membuat pembakaran terbuka ini. Terutamanya dalam menghadapi El-Nino ini yang boleh menjelaskan suhu yang kering ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Isu pembakaran jerami atau pembakaran batas khasnya di kawasan penanaman padi setakat ini masih dijalankan di bawah kawal selia Jabatan Pertanian. Buat sementara ini Jabatan Alam sekitar belum mengeluarkan arahan untuk memberhentikan pembakaran jerami khas hanya di kawasan penanaman padi. Walau bagaimanapun kalau kondisi ataupun keadaan tidak membenarkan sebagai contoh kalau ada jerebu yang lebat yang sangat teruk di tahap berbahaya memang semua pembakaran tidak dibenarkan. Hanya dua jenis pembakaran yang dibenarkan setakat ini. Pembakaran khas untuk upacara sembahyang untuk orang bukan Islam, perayaan atau *prayer* dengan izin. Keduanya adalah di kawasan yang diwartakan sebagai kawasan penanaman padi. Kita harap dengan teknologi alternatif dan syarikat yang ada inovasi saya dimaklumkan mereka memang membeli jerami tersebut memberi sedikit pendapatan kepada petani-petani dan mengitar semula jerami dari kawasan sawah. Jadi setakat ini kita ada beberapa syarikat yang membuat begitu dan kita harap ini akan jadi lebih berleluasa di negeri Selangor.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS:** Suka saya nak minta penjelasan sedikit.

**TUAN SPEAKER:** Tunggu sekejap Hulu Kelang nak tanya soalan tambahan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Juga menjawab soalan saya. Soalan saya adalah apakah langkah kerajaan dalam merangka PBT bagi memainkan peranan sokongan ataupun peranan utama dalam kes ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Yang Berhormat Hulu Kelang saya telah jawab bila saya sebut PANTAS kerana PANTAS adalah satu unit khas di bawah PBT dan mereka yang membantu kerajaan negeri untuk menangani masalah atau memadam api di kawasan pembakaran terbuka sebagai contoh baru semalam semasa majlis pengiktirafan *star rating* di negeri Selangor PANTAS di Majlis Perbandaran Klang telah diberi pengiktirafan sebagai satu unit yang amat berjaya yang dapat menangani atau menjalankan tugas mereka dengan cemerlang. Jadi PANTAS di MPK yang memantau pembakaran terbuka di kawasan yang ditentukan. Dua, mereka juga memadam dan mereka diberi latihan oleh Jabatan Bomba dan mereka ada teknik-teknik untuk memadam api tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: SUKAN EKSTREM DI SELANGOR**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri besar;-

- a) Nyatakan kemudahan-kemudahan sukan ekstrem di Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah jenis-jenis sukan ekstrem yang menarik golongan belia?
- c) Adakah pihak kerajaan negeri dan GLC negeri membiayai program sukan ekstrem ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Jeram bertanyakan tentang sukan ekstrem. Kerajaan negeri setakat ini tidak menyediakan kemudahan-kemudahan sukan ekstrem di negeri Selangor dan untuk makluman bahawa kita lebih menumpukan kepada sukan yang berprestasi tinggi sahaja setakat ini. Pihak kerajaan negeri tidak mempunyai informasi secara tepat berkenaan dengan jenis sukan ekstrem yang menarik perhatian orang muda memandangkan tiada program khusus diadakan sama ada peringkat kerajaan negeri atau Majlis Sukan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun kami mengalu-alukan kepada mereka atau peminat sukan ekstrem ini untuk terlibat dalam sukan tersebut. Walau bagaimanapun terdapat pihak berkuasa tempatan yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan sukan seperti ini dan setakat ini sama ada Majlis Sukan Negeri Selangor atau GLC tidak ada program khusus pembiayaan kepada program-program sukan ekstrem yang kita taja di negeri Selangor ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Terima kasih. Untuk makluman sebagai soalan tambahan pada 22hb ini ada pertandingan BMX peringkat kebangsaan berlokasi di Selayang dalam negeri Selangor yang mana saya beranggapan BMX juga salah satu sukan ekstrem. Kita sedia maklum bahawa basikal juga adalah sukan yang kurang popular tetapi mencerminkan satu pulangan dari segi sumbangan yang baik pada SUKMA yang baru lalu. Jadi saya mohon adakan satu tindakan susulan supaya gelanggang ekstrem di Selayang ini dapat di

naik taraf supaya dapat jadi satu *avenue* yang lebih berkesan untuk penganjuran peringkat antarabangsa di masa hadapan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Jeram. Saya ingat setakat ini ada beberapa permintaan dari persatuan-persatuan dan sebagainya untuk kemudahan sukan-sukan ekstrem ini termasuklah BMX, *drift*, motor dan sebagainya. BMX adalah sebahagian daripada sukan yang dipertandingkan dan sukan berprestasi dalam sukan SUKMA dan saya ingat setakat ini kerajaan negeri telah memberikan beberapa sumbangan-sumbangan ataupun keperluan-keperluan kemudahan kepada persatuan dan saya lihat tentang perkara ini tapi mengikut keperluan peruntukan yang kita ada. Mungkin kita boleh lihat semula. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH POTONGAN BASAH PADI YANG MELAMPAU TINGGI**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;-

- a) Sila kemukakan apakah rasionalnya petani dikenakan potongan basah padi yang melebihi 20% hingga 30%?
- b) Sila nyatakan apakah jaminan terhadap hak petani dengan mengenakan kadar pemotongan basah yang melampau tinggi?
- c) Sila nyatakan jabatan manakan yang diberi kuasa untuk melaksanakan pendekatan yang menindas petani?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Speaker dan Sekinchan. Untuk jawapan bagi soalan A ialah rasional pemotongan basah padi ini adalah sebagai tahap piawaian ataupun standard untuk para petani dalam menjaga kualiti hasil padi mereka. Pemotongan hidup atau pemutuan sebenar 20-30% dengan harga RM1200 1 tan metrik adalah untuk menjamin kualiti pada yang akan diproses menjadi beras. Harga pemutuan sebenar ini juga memberi faedah kepada petani padi di Malaysia yang dulunya tidak dapat menikmati harga yang padi yang sama seperti dinikmati di Selangor. Walau bagaimanapun pemotongan basah ini tidak boleh diguna pakai bagi kawasan penanaman padi untuk tujuan dijadikan padi benih.



Untuk jawapan B, data yang diperolehi dari pihak BERNAS, Sekinchan, Selangor menunjukkan tiada petani yang dikenakan kadar pemotongan melebihi 20% mahupun 30% sehingga musim padi pada musim yang pertama tahun 2014. Purata rekod pemotongan adalah pada 17.8% pemutuan. Maklum balas dari Bahagian Kawal Selia Padi pihak BERNAS juga memaklumkan bahawa tiada bantahan mengenai kadar pemotongan melebihi 20% direkodkan dari musim pertama 2013, musim kedua 2013 dan musim pertama 2014. Bagi pemotongan yang melebihi 20-21% yang dijalankan oleh pihak kilang adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu pertama adalah padi muda disebabkan penuaian terlalu awal sebelum tarikh sepatutnya di tuai pada 110 hari lepas tanam (HLT) dan kedua adalah padi kotor.

Bagi jawapan C, bagi agensi penyelaras, Bahagian Kawalan Selia Padi diarahkan untuk memantau aktiviti pemotongan yang direkodkan manakala bagi aktiviti pemotongan atau pemutuan sebenar akan dilaksanakan sendiri oleh pihak kilang, sama ada pihak kilang swasta ataupun kilang padi di bawah kendalian pihak BERNAS. Kenyataan menindas petani boleh jadi tidak benar. Sekiranya pihak petani yang mengalami pemotongan melebihi 20-20%, mereka sebenarnya boleh mengemukakan rayuan kepada pihak BERNAS untuk menyemak semula kadar potongan basah atau pemutuan yang dijalankan oleh kilang berkenaan. Walau bagaimanapun jawapan ini adalah jawapan yang boleh jadi dijawab oleh pihak Kementerian Pertanian jadi sebarang soalan tambahan saya sekadar memanjangkan kepada Kementerian.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke-37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK : PINJAMAN WANG KERAJAAN NEGERI KEPADA PBT**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mengemukakan garis panduan lengkap untuk MPAJ supaya MPAJ dapat menukarkan pinjaman wang Kerajaan Negeri kepada geran?
- b) Berapakah peruntukan untuk pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada MPAJ untuk menyelesaikan masalah cerun setakat April 2014.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Teratai bertanyakan tentang pinjaman wang kerajaan kepada PBT. Soalannya adakah kerajaan negeri telah mengemukakan garis panduan lengkap kepada MPAJ supaya MPAJ dapat menukarkan pinjaman wang kerajaan negeri kepada geran. Kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 4 Disember 2013 telah bersetuju menggunakan garis panduan tatacara pembiayaan balik baik pulih cerun di mana Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengan projek penstabilan cerun di atas tanah kerajaan negeri melalui pinjaman peruntukan kerajaan negeri boleh mengemukakan kertas ringkasan untuk memohon pengecualian bayaran faedah ataupun pengecualian bayaran balik pinjaman yang diberikan. Justeru itu perkara ini telah dimaklumkan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan pinjaman yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri kepada Ampang Jaya untuk tujuan penyelesaian masalah cerun sehingga 20 Mei 2014 adalah seperti berikut. Penstabilan cerun di lima lokasi iaitu di lot 191041 di Taman Ukay Perdana Ulu Kelang, rizab jalan bersebelahan rumah kebajikan Good Shepherd Ulu Kelang, Lot 36203 di Taman Ampang, Seri Ampang. Rizab hutan di Kampung Dato' Mufti dan jumlah peruntukan ialah RM2.168 juta. Kedua, pemasalah kestabilan cerun di Lot 541 dan di Lot 6837 di tanah milik kerajaan negeri berhampiran Taman Bukit Utama, Bukit Antarabangsa jumlah kosnya ialah RM16,000,500.00. Ketiga, penstabilan cerun di lima lokasi berikut sepanjang Jalan Bukit Permai, Taman Bukit Permai, Ampang, Medan Bukit Permai, Taman Bukit Permai Ampang, Pangsapuri Intan, Taman Bukit Permai, Ampang, dan Lot 6550 Jalan Wangsa 7, Bukit Antarabangsa.

**TUAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, boleh kita sambung kemudian. Baiklah masa pertanyaan telah habis. Kita kena sambung. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 12 tengah hari. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kita habiskan ini dulu kalau tidak dan akhir sekali jumlah RM29 juta.

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahan kita sambung esok.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah ditangguhkan pada jam 12 tengah hari dan dewan akan disambung semula pada hari esok ”.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui. Maka dengan ini saya tangguhkan dewan sehingga hari esok jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )**